

# FSSA UMS rai tiga perayaan dalam Majlis Jalinan Mesra 2023

**UB 03.06.2023 P.06**  
**KOTA KINABALU:** Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) Universiti Malaysia Sabah (UMS) meraikan gabungan tiga perayaan iaitu Hari Raya Aidilfitri, Pesta Kaamatan dan Pesta Gawai dalam satu Majlis Jalinan Mesra, baru-baru ini.

Dekan FSSA, Prof. Dr. Jualang Azlan Gansau berkata, penganjuran majlis berkenaan merupakan satu inisiatif fakulti dengan kerjasama Kelab Kebajikan dan Rekreasi FSSA (KRiS), Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, kakitangan akademik, pentadbiran serta pelajar.

Katanya, ia bertujuan memupuk kerjasama dan saling menyantuniantara satu dengan yang lain.

"Semangat kerjasama yang diterapkan merupakan tonggak utama kejayaan pelaksanaan majlis ini dalam



**ALBUM:** Rakaman gambar kenangan ketika di majlis berkenaan.



**KENANGAN:** Pelajar-pelajar FSSA dengan busana tradisional dari suku kaum di Sabah dan Sarawak.

mewujudkan kemeriahan dalam kalangan pelajar dan kakitangan fakulti.

"Syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Pelaksana Majlis Jalinan Mesra FSSA 2023," katanya.

Bertemakan kelestarian warisan budaya berbilang kaum di Sabah dan Sarawak, majlis tersebut diserikan lagi dengan persembahan tarian oleh kumpulan pelajar FSSA, persembahan nyanyian kumpulan Buskers UMS, serta Pertandingan Gerai Terbaik dan Pakaian Tradisional Tercantik kategori pelajar serta staf.

Turut hadir Pegawai-pegawai Utama, Dekan Fakulti, Pusat, Institut di UMS serta kakitangan akademik, pentadbiran dan pelajar-pelajar dari sembilan program pengajian di FSSA.